

Headline	UTS bakal jadi syarikat penerbitan akademik terkemuka		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	25 Jan 2024	Color	Black/white
Section	News	Circulation	31,034
Page No	5	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	212 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 790
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,370



## UTS bakal jadi syarikat penerbitan akademik terkemuka

**SIBU:** Universiti Teknologi Sarawak (UTS) kini berada dalam landasan terbaik sebagai syarikat penerbitan akademik terkemuka.

Naib Canselornya Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid berkata, UTS telah mencapai kejayaan yang ketara sejak penubuhan Unit Penerbitan UTS pada 2021. "Kami berjaya menghasilkan 25 tajuk buku yang merangkumi pelbagai ilmu pengetahuan.

"Jumlah penerbitan telah meningkat secara berperingkat dan sehingga tahun 2023 sebanyak 13 buku telah diterbitkan di mana dua daripadanya telah dilancarkan awal bulan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada pelancaran Unit Penerbitan Buku UTS, semalam. Majlis tersebut telah

disempurnakan Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat I (Pendidikan dan Inovasi) Datuk Dr Annuar Rapae.

Khairuddin turut menegaskan bahawa penulis yang menyumbang kepada penerbitan tersebut bukan hanya dari UTS tetapi dari institusi terkemuka lain.

Ia termasuk Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Beliau memberitahu, Unit Penerbitan Buku UTS sudah mula mencatatkan kejayaan awalnya apabila menerima manuskrip antarabangsa pertamanya daripada sebuah universiti di Indonesia pada akhir tahun lalu.

"Kerjasama ini melambangkan keyakinan yang diberikan oleh institusi antarabangsa terhadap keupayaan penerbitan kami.

"Kami menjangka dan mengalu-alukan kerjasama lebih lanjut dengan penulis antarabangsa, dengan matlamat untuk terus menghasilkan dan menerbitkan buku sains berkualiti tinggi pada masa depan," ujarnya.

Khairuddin menambah bahawa Unit Penerbitan UTS juga telah memulakan siri program penulisan dan bengkel yang direka untuk menyokong dan memberi inspirasi kepada bakal penulis dalam kalangan kakitangan akademik UTS.

Katanya, ia juga bertujuan memberi kekuatan untuk menerbitkan buku berdasarkan usaha penyelidikan mereka.



UNTUK ALBUM: Dr Annuar (lapan kiri) dan Khairuddin (lapan kanan) merakam gambar kenangan bersama kumpulan penulis pada Pelancaran Unit Penerbitan Buku UTS, semalam.